

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 April 2017

SOALAN

Puan Bathmavathi Krishnan minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada pihak Kementerian ada membuat kajian tentang pelbagai aspek berkenaan OKU bertujuan mengumpul data dan membuat analisa yang terperinci supaya ia dapat membantu melaksanakan program dan aktiviti bawah Pelan Tindakan OKU 2016-2022.

JAWAPAN

Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang baharu telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 25 Mac 2016. Pelaksanaan Pelan Tindakan OKU ini ialah bagi tempoh 2016 hingga 2022 dan ia melibatkan kerjasama yang bersepadu daripada pelbagai pihak supaya kepentingan, kebajikan dan penglibatan golongan OKU diambil kira dalam sebarang perancangan dasar, projek, program dan aktiviti masing-masing bagi memastikan OKU menjalani kehidupan yang lebih berkualiti dan terangkum (inklusif) dalam masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyemak semula Pelan Tindakan OKU sedia ada bagi memperkemaskan lagi pelaksanaannya serta mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh Dasar OKU. Semakan tersebut turut mengambil kira kajian-kajian dan data-data yang merupakan satu sumber rujukan yang penting. Tuan Yang Dipertua, Kajian terkini yang telah dijalankan berkaitan OKU oleh KPWKM ialah Kajian Enabling Integration and Participation of Persons with Disabilities in the Workforce. Kajian ini telah siap pada tahun 2016 dan dijalankan oleh Institut Sosial Malaysia dengan kerjasama daripada Universiti Utara Malaysia. Objektif utama kajian ini ialah berkenaan isu pekerjaan di kalangan OKU. Hasil kajian ini telah diambil kira untuk tujuan pelaksanaan program dan aktiviti pada Teras Strategik 2: Memperkasa Ekonomi Golongan OKU dalam Pelan Tindakan OKU 2016 - 2022. Selain itu, Institut Sosial Malaysia pada tahun 2007 juga pernah menjalankan kajian mengenai pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) dengan tajuk Does Community Based Rehabilitation Really Work? Community Based Rehabilitation and Participation of Disabled People. Hasil kajian ini telah digunakan sebagai salah satu sumber rujukan dalam merangka program dan aktiviti PDK selaras dengan Pelan Tindakan OKU. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut menerima salinan kajian pelajar-pelajar universiti tempatan yang mempunyai kaitan dengan kumpulan sasar kementerian termasuk OKU. Hasil daripada kajian-kajian yang dikemukakan turut menjadi sumber rujukan kementerian dalam membantu menambah baik program dan aktiviti di bawah Pelan Tindakan OKU 2016 - 2022 malah turut digunakan untuk program dan aktiviti lain yang berkaitan. Tuan Yang Dipertua, KPWKM mengambil maklum akan kepentingan kajian dalam menambah baik sesuatu program dan aktiviti yang dirancang dalam suatu pelan tindakan. Namun begitu, kejayaan sesuatu program dan aktiviti bukan sahaja terletak pada data dan kajian semata-mata tetapi memerlukan penglibatan aktif, kolaborasi strategik dan tindakan proaktif oleh semua pemegang taruh termasuk ahli akademik. Dalam hal ini, Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan platform terbaik bagi membincangkan dan memperkemaskan kerjasama multi-sektoral semua pemegang taruh dalam hal ehwal pembangunan OKU.

